

**JADUAL MAKLUMBALAS  
MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN  
PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA (PPM)  
2017/2018**

BIL	PERKARA	MAKLUMBAS
3.	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>	
3.6	<b>Diskaun Yuran Keahlian Sempena Hari Pustakawan</b> Mesyuarat dimaklumkan bahawa Majlis PPM mempunyai perancangan untuk memberi diskaun yuran keahlian jika IFLA WLIC 2018 mencapai sasaran untuk mendapatkan 1,000 orang peserta dari Malaysia	Jumlah peserta berbayar dari Malaysia bagi IFLA WLIC 2018 ialah seramai 941 orang. Jumlah ini kurang dari sasaran yang ditetapkan.
7.	<b>HAL-HAL LAIN</b>	
7.1	<b>SKIM KEPUSTAKAWAN</b> YBhg. Dato` Dr. Zaiton Osman mencadang agar Majlis PPM menjemput fakulti/jabatan yang berkaitan dengan bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat apabila PPM menggubal semula skim kepustakawanan.	Skim kepustakawanan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). JPA akan merujuk kepada fakulti/jabatan yang berkaitan bila perlu.
7.5 7.5.1	<b>ANUGERAH PPM</b> Puan Habsah Abd. Rahman (P0228) mencadang agar PPM mewujudkan anugerah 'Unsung Hero' kepada bukan pustakawan setiap tahun.	PPM mempunyai kategori keahlian AHLI KEHORMAT bagi tujuan ini.

<p><b>7.6</b> 7.6.1 7.6.2</p>	<p><b>JAWATANKUASA PPM</b> Encik Hasbullah Idris (P1946) dari SMK Labu Negeri Sembilan mencadang agar Pengerusi dan Ahli JK Pusat Sumber PPM perlu mempunyai kelayakan dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat.  YBhg. Dato' Zawiyah Baba (L035) mencadang agar PPM mewujudkan JK Tetap Pustakawan Muda.</p>	<p>Pengerusi JK Pusat Sumber Sekolah akan memastikan kesemua ahli mempunyai kelayakan berkenaan.  Majlis memutuskan buat masa kini tiada keperluan untuk JK Tetap Pustakawan Muda kerana mulai tahun 2018 tumpuan PPM adalah untuk pembangunan profesional pustakawan muda. Ramai pustakawan muda yang menjadi Ahli Majlis PPM dan Pengerusi pelbagai Jawatankuasa dan Kumpulan.</p>
<p><b>7.7</b></p>	<p><b>MAKLUMAT PERPUSTAKAAN</b> Puan Norhayati Abdul Malek dari Pusat Sumber Petronas mencadangkan agar PPM mewujudkan blog dan emel Perpustakaan Khusus bagi memudahkan komunikasi.</p>	<p>Majlis ingin mengekalkan satu blog dan laman sesawang untuk PPM. Jawatankuasa dan Kumpulan boleh berhubung melalui <i>group email</i> dan aplikasi Whatsapp.</p>
<p><b>7.8</b></p>	<p><b>PROGRAM KEBANGSAAN PPM</b> YBhg. Dato' Zawiyah Baba menyatakan bahawa PPM perlu mempunyai Program Kebangsaan</p>	<p>PPM telah mengenalpasti Persidangan Perpustakaan Se Malaysia sebagai program kebangsaan. Persidangan pertama telah diadakan pada 2017.</p>
<p><b>7.9</b></p>	<p><b>TRANSFORMASI NEGARA 2050 (TN50)</b> YBhg. Dato' Zawiyah Baba ingin mengetahui di mana kedudukan Pustakawan berdasarkan Laporan TN50.</p>	<p>Kerajaan kini telah memansuhkan TN50.</p>